



**PERBADANAN MUZIUM MELAKA
BAHAGIAN PEMUZIUMAN (PENDIDIKAN)**

MEMO

Kepada : Encik Mohd. Rashid Bin Zulkipli
Daripada : Fairus bin Mamat, Penolong Kurator
Ruj. Fail : PMM/UMSE/400
Tarikh : 12 September 2025
Perkara : **ARAHAN BERTUGAS DI MUZIUM SASTERA 15
SEPTEMBER 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tuan dikehendaki bertugas di Muzium Sastera pada ketentuan berikut :

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2025 (ISNIN)
MASA : 8.30 PAGI – 5.30 PETANG
LOKASI : MUZIUM SASTERA

3. Sehubungan dengan ini, antara tugas yang perlu dilaksanakan ialah :

- i. Menjaga kebersihan ruangan pameran;
- ii. Menjaga keselamatan pelawat, artifak dan bahan pameran;
- iii. Menyambut dan menjawab pertanyaan pelawat;
- iv. Menyemak tiket pelawat; dan
- v. Lain-lain tugas yang diberikan dari masa ke masa.

4. Atas perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sekian.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,


(FAIRUS BIN MAMAT)
Penolong Kurator
Perbadanan Muzium Melaka